

28/06/1997

Tuntutan PKAUM tidak mampu dipenuhi

Hassan Omar

SINTOK, Jumaat - Kementerian Pendidikan sedia bertolak ansur dalam melaksanakan skim gaji baru bagi kakitangan akademik Universiti Malaya (UM) yang bakal dikorporatkan 1 Januari depan.

Sehubungan itu, Menterinya, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata tempoh enam bulan sebelum UM dikorporatkan boleh digunakan oleh Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Malaya (PKAUM) untuk berbincang dengan Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan kementerian bagi melakukan penyesuaian skim terbabit.

Bagaimanapun, kementerian tidak mampu memenuhi permintaan PKAUM berhubung skim gaji lebih tinggi berbanding yang dicadangkan di bawah skim itu kerana halangan kewangan yang boleh membebankan pelajar.

Menurutnya, skim gaji baru itu lebih baik berbanding Skim Saraan Baru (SSB) dan PKAUM seharusnya menerima hakikat bahawa kerajaan tidak mampu memenuhi permintaan mendapatkan gaji lebih tinggi daripada kadar 20 hingga 22.8 peratus yang dicadangkan.

Skim gaji baru itu bergantung kepada kemampuan seseorang pensyarah melaksanakan tugas secara berkesan dengan semakin tinggi kemampuan mereka, semakin tinggi gaji yang diperoleh.

"Skim itu lebih berkesan bagi menjadikan ahli akademik tidak terlalu selesa dengan kedudukan mereka, sebaliknya harus berusaha mendapatkan kelayakan akademik lebih tinggi seperti sarjana, PhD, banyak menulis jurnal, menjalankan kajian dan seumpamanya.

"Ia hanya permulaan dan gaji maksimum bergantung kepada kewibawaan mereka sebagai tenaga pengajar dan ahli akademik," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan amanat kepada kira-kira 3,000 pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), hari ini.

Presiden PKAUM, Prof Madya Mahathir Mohd Khir semalam mempertikaikan kewajaran skim gaji baru itu yang menurutnya, secara langsung memperluas jurang tangga gaji antara tenaga pengajar bertaraf profesor dengan bukan profesor di UM sedangkan ia seharusnya dikurangkan.

Setakat ini, 133 tenaga pengajar di UM bertaraf profesor, 389 profesor madya manakala 385 pensyarah biasa.

Profesor madya dan pensyarah bukan profesor adalah kumpulan tenaga pengajar paling ramai di UM yang seharusnya diberikan perhatian sewajarnya, katanya.

Najib berkata, kementerian bersetuju memenuhi permintaan PKAUM untuk tidak memansuhkan skim pencen pada umur persaraan 55 tahun dan bersedia menyambung perkhidmatan kakitangan yang melebihi umur, di bawah skim kontrak.

Menurutnya, jika kementerian menerima permohonan PKAUM untuk menaikkan gaji lebih tinggi, kerajaan terpaksa membelanjakan wang yang amat besar sebagai subsidi kepada sembilan universiti lain yang akan dikorporatkan selepas pengkorporatan UM.

Kerajaan terpaksa membelanjakan kira-kira RM400 juta setahun sebagai subsidi yuran pelajar UM dan jika PKAUM menuntut gaji lebih tinggi, beban kewangan terpaksa dipindahkan kepada yuran pelajar.

Mengikut skim gaji baru yang meliputi gaji pokok dan imbuhan tetap, kakitangan akademik UM di semua peringkat akan menerima kenaikan gaji antara 20 hingga 22.8 peratus atau antara RM530 hingga RM2,886.

(END)